

<p align="justify">♦Utusan Malaysia - 28 September 2006</p><p align="justify">SEBARANG kenaikan harga barangan atau perkhidmatan tentunya memberi kesan kepada para pengguna, lebih-lebih lagi ketika harga minyak dan barangan keperluan asas lain turut meningkat.Menyedari keadaan itu, kerajaan perlu memikirkan sebaik-baik cara berhubung cadangan menaikkan kadar tol, tetapi dalam masa yang sama tidak terlalu membebankan pengguna.Dari satu segi, kita menyedari beban yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan membayar pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi sehingga menjangkau RM1 bilion pada tahun lepas. </p><p> </p><p align="justify">Tetapi, kita juga perlu juga mengambil kira bebanan yang semakin hari semakin berat ditanggung oleh pengguna ekoran kenaikan kos sara hidup.Menaikkan kadar tol bererti meningkatkan lagi perbelanjaan para pengguna lebuhraya. Inilah realiti yang perlu dihadapi oleh mereka. Mahu tidak mahu mereka ♦terpaksa♦ menerima kenyataan itu.Sehubungan itu, kerajaan perlu memikirkan kaedah terbaik untuk mengurangkan beban pengguna dan dalam masa yang sama kerajaan tidak perlu menanggung beban membayar pampasan yang terlalu tinggi.</p><p align="justify">Satu kaedah yang sering digunakan ialah menyerap kadar kenaikan itu kepada pengguna, tetapi ia perlu dilakukan secara berhati-hati supaya mereka tidak terlalu terbeban.Kerajaan perlu memastikan perkhidmatan yang disediakan di lebuhraya benar-benar bertaraf dunia agar berbaloi dengan kos yang terpaksa ditanggung oleh pengguna.Segala kesulitan seperti kesesakan di lebuhraya terutama semasa musim perayaan perlu diatasi segera agar ia tidak menimbulkan rungutan kepada para pengguna.</p><p align="justify">Dalam pada itu, kesedaran di kalangan pengguna amat penting bahawa segala kemudahan lebuhraya yang disediakan adalah untuk keselesaan mereka. Mereka perlu mengakui selain udara, tidak ada lagi yang percuma dalam kehidupan hari ini.♦Secara logiknya, para pengguna boleh mengelak menggunakan lebuhraya dengan melalui jalan-jalan raya yang semakin cantik dan selesa, tetapi dalam banyak hal, faktor masa dan jarak perjalanan juga perlu diambil kira.Pengguna perlu berkorban sedikit untuk mendapat segala keselesaan tersebut. </p><p align="justify">Menolong mengurangkan beban kerajaan bererti membantu kerajaan supaya dapat menggunakan wang penjaminan itu untuk projek pembangunan lain bagi faedah rakyat.Dengan wang RM1 bilion kos pampasan yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan tahun lepas, bayangkan berapa banyak kemudahan prasarana yang boleh dilaksanakan.Kita perlu memahami bahawa kerajaan tidak boleh

Written by Administrator

Thursday, 10 September 2009 16:14 -

selama-lamanya menanggung kos membayar pampasan kepada pemegang konsesi kerana ia semakin meningkat dari setahun ke setahun.

Kita berharap kaedah saling faham memahami antara kerajaan dan pengguna akan terus menjadi faktor kelancaran segala bentuk pembangunan di negara ini.